

Media Title : Utusan Malaysia
Headline : Awas! Jangan terjerat lagi dengan scammer AI
Date : 3 January 2026
Section : Dalam Negeri
Page : 2



Minda Pengarang
IMRAN MOHAMAD NOR



Awas! Jangan terjerat lagi dengan scammer AI

DI Bangkok baru-baru ini, satu konferens 'Global Partnership Against Online Scams' diadakan dengan disertai hampir 60 negara bagi menangani penipuan siber atau scammer yang kini semakin canggih dan melibatkan kerugian besar mangsa di seluruh dunia. Kerjasama ini turut disertai syarikat besar seperti Meta dan TikTok untuk perlindungan pengguna dalam talian.

Ketika ini, scammer sudah 'menebar' teknologi kecerdasan buatan (AI) di platform-platform media sosial terutama WhatsApp, TikTok, Facebook dan Instagram untuk 'menjala' mangsa. Ini terbukti apabila jumlah kes scam di Malaysia meningkat dengan ketara, merekodkan 47,854 kes dengan kerugian melebihi RM1.9 bilion (setakat September 2025).

Satu trend peningkatan serius di mana scammer meraih kira-kira RM6 juta sehari melalui platform seperti Telegram yang merekodkan kes tertinggi iaitu sebanyak 1,455 kes, Facebook (1,035 kes), dan WhatsApp (958 kes), menjadikannya isu jenayah siber yang membimbangkan.

Manakala pihak Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) pula telah menerima ribuan panggilan dan membuka kertas siasatan, sementara MCMC sudah menurunkan 63,652 kandungan penipuan di media sosial (data awal 2025).

Scammer bijak menjerat mangsa dengan pelbagai jenis penipuan seperti penipuan e-kewangan, love scam, e-dagang, pinjaman tidak wujud dan pelaburan palsu. Bagi scammer ini, dalam 1,000 kali tebaran, pasti akan ada lima atau enam orang tersangkut 'di jala' dan itu. Bayangkan kalau ratusan ribu scammer ini menabur umpan, pasti lebih banyak 'termakan' terutama mereka yang terdesak memerlukan wang ringgit.

Di WhatsApp, TikTok, Facebook dan Instagram, scammer bijak memanipulasikan kelebihan AI dengan meniru suara dan cara percakapan seseorang yang berpengaruh untuk merangkap mangsa.

Scammer licik menggunakan AI menyalin video atau wajah seseorang yang seolah-olah kelihatan seperti 'orang alim' yang berjanggut, berlatarbelakangkan Kaabah atau Baitullah sambil bercakap mengenai saham atau pelaburan yang mampu meraih untung besar dalam waktu singkat, sekali gus mampu menyelesaikan masalah kewangan yang seseorang hadapi.

Walhal semua itu adalah AI untuk menjerat mereka yang mudah terpengaruh, kerana scammer tahu bahawa orang Islam mudah percaya dan terjebak jika 'orang alim' digunakan sebagai jurucakap dan pemain saham yang mendapat keuntungan dengan segala bukti keuntungan ditunjukkan dalam video.

Justeru, dalam membantu orang ramai terus terjebak dengan penipuan scammer ini, selain memberi kesedaran berterusan kepada orang ramai, kerajaan perlu bertindak segera meminda undang-undang sedia ada untuk mendakwa pelaku dengan lebih efektif, selain menyekat nombor telefon dan menamatkan talian yang terlibat secara automatik.

Sempena Tahun Baharu 2026, orang ramai tolonglah peka, sedar dan janganlah mudah percaya serta terpedaya dengan tawaran yang tidak munasabah. Ingat dan ingatlah selalu. Tiada pelaburan yang mampu meraih keuntungan luar biasa dalam masa singkat.

Imran Mohamad Nor, Pengarang Berita Utusan Malaysia